

CNS3109

U GB 05-12 00171 BA654

BAH

MALAYSIA TIDAK MAHU RAKYAT IRAQ TERUS TERSEKSA

Mahathir - OIC

SUBANG, 5 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak mahu rakyat Iraq terus menderita akibat sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap negara itu ekoran Perang Teluk, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rakyat negara itu tidak seharusnya terseksa kerana kesalahan yang dibuat oleh kerajaan mereka, katanya kepada pemberita sekembalinya dari menghadiri persidangan kemuncak G-15 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini malam ini.

+Kita berpendapat di zaman ini kita tidak harus menyeksa rakyat kerana kesalahan yang mungkin dibuat oleh kerajaan mereka,+ katanya ketika ditanya mengenai pendirian Malaysia dalam soal sekatan ekonomi terhadap Iraq oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Perkara itu akan dibincangkan pada Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Senegal minggu depan.

+Kita tidak harus sekat bekalan makanan dan barangan perlu lain bagi rakyat walaupun kita tidak suka kepada kerajaannya,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata Malaysia terpaksa mengkaji soal sekatan ekonomi terhadap Iraq sebelum membuat keputusan. -- lagi

▼05/12/21-27MST

CNS3125

R GB 05-12 00151 BA655

BAH

Mahathir - OIC 2 Kuala Lumpur

+Kita mesti kaji dahulu... kita tidak boleh kata akan tarik balik tetapi apa juga yang kita buat sepatutnya kita janganlah melibatkan rakyat yang tidak berdosa,+ katanya.

Menurutnya, kajian itu perlu kerana Malaysia tidak mahu melihat kemungkinan wang yang diperolehi negara itu daripada perdagangan bebas digunakan untuk menegangkan keadaan di Asia Barat.

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba berlepas ke Senegal malam ini bagi menghadiri persidangan OIC itu dari 8 Dis hingga 12 Dis.

Mengenai laporan menyatakan Kerajaan Negeri Sarawak bercadang mengurangkan pembalakan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah itu baik tetapi mengingatkan agar langkah itu tidak seharusnya menyebabkan rakyat hilang pekerjaan atau memperolehi pendapatan yang berkurangan.

+Kita berpendapat bahawa sepatutnya negara-negara maju yang membeli kayu tropika membayar harga yang tinggi supaya pendapatan kita tidak kurang dan kayu dapat diselamatkan,+ katanya. -- lagi

▼05/12/21-41MST

CNS3133

R GB 05-12 00172 BA656

BAH

Mahathir - OIC 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata soal alam sekitar termasuk persidangan dunia yang akan diadakan di Brazil tahun depan turut dibincangkannya dengan para pemimpin G15 lain semasa di Caracas.

+Kita bersetuju bahawa kita harus mengadakan pendirian yang sama tapi Malaysia tidak memberi pengakuan bahawa akan hadir atau tidak pada persidangan di Brazil itu,+ katanya.

Beliau berkata pada keseluruhannya persidangan G15 di Caracas itu berjaya kerana banyak persetujuan dalam bidang politik dan ekonomi dicapai oleh 11 ketua kerajaan yang mengahdirinya.

Katanya, walaupun ada ketua kerajaan negara-negara anggota tidak dapat mengahdiri persidangan, namun ia adalah atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Katanya, menteri-menteri luar akan mengkaji kriteria bagi negara-negara yang boleh diterima sebagai anggota baru kumpulan itu setelah cadangan menambah keanggotaan G15 dikemukakan pada persidangan itu.

Encik Ghafar, menteri-menteri dan timbalan menteri berada di Lapangan Terbang untuk menyambut kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- Bernama

▼05/12/22-21MST